

Rujukan Kami : UTM.J.17.03.04.01/10.12/22 (39)
Tarikh : 23 Januari 2025

NOTIS KEPADA PELAJAR BIL.1/2025

Semua Pelajar

Universiti Teknologi Malaysia
Johor Bahru

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

MAKLUMAN PENGURUSAN PENGINAPAN KOLEJ KEDIAMAN SEPANJANG CUTI SEMESTER 1, SESI 2024/2025

Dimaklumkan bahawa cuti Semester 1 Sesi 2024/2025 akan bermula pada **17 Februari 2025 (Isnin) sehingga 16 Mac 2025 (Ahad)**. Berikut adalah garis panduan yang perlu dipatuhi berhubung penginapan di kolej kediaman semasa cuti semester.

1.0 Tanggungjawab Pelajar Sebelum Meninggalkan Kolej

- 1.1 Memastikan bilik kediaman dalam keadaan bersih dan teratur.
- 1.2 Menyusun semula perabot ke kedudukan asal sebelum meninggalkan bilik.
- 1.3 Memastikan semua suis yang terdapat di dalam bilik dimatikan. Denda akan dikenakan sekiranya suis dibiarkan dalam keadaan terbuka.
- 1.4 Mengunci tingkap dan pintu bilik bagi tujuan keselamatan.
- 1.5 Sebarang kerosakan, kehilangan perabot, yang disebabkan kecuaiian pelajar atau sampah yang ditinggalkan akan dikenakan penalti atau caj pembersihan atau kedua-duanya sekali.

2.0 Pemulangan Kunci Bilik

- 2.1 Pelajar hendaklah memulangkan kunci bilik ke pejabat kolej selewat-lewatnya pada **17 Februari 2025 (Isnin)** sebelum jam 5.00 petang. Pejabat kolej akan dibuka pada tarikh tersebut:

Tarikh	Masa
15 – 16 Februari 2025 (Sabtu - Ahad)	8.30 pagi – 1.00 petang 2.00 petang – 4.30 petang

- 2.2 Pemulangan kunci bermula **18 Februari 2025 (Selasa)** akan dikenakan caj sewaan bilik berdasarkan jenis bilik sehingga bilik dikosongkan sepenuhnya dan kunci dipulangkan.
- 2.3 Pelajar dikehendaki melengkapkan **Borang Perakuan Mengosongkan Bilik** serta menandatangani **Buku Pemulangan Kunci** di pejabat kolej.
- 2.4 Pelajar yang memulangkan kunci selepas jam 5.00 petang perlu memulangkan kunci melalui **"Key Drop Box"** yang disediakan oleh pihak kolej bersama borang perakuan mengosongkan bilik.
- 2.5 Pelajar yang gagal memulangkan kunci akan dikenakan caj sewa harian sehingga kunci dipulangkan.

- 2.6 Kehilangan atau kerosakan kunci akan dikenakan penalti antara **RM25.00 hingga RM50.00**, bergantung kepada kos penggantian.
- 2.7 Pelajar yang akan menjalani latihan industri, latihan mengajar, atau tidak akan menginap di kolej pada Semester 2, Sesi 2024/2025 hendaklah memaklumkan kepada pejabat kolej selewat-lewatnya **18 Februari 2025**. Kegagalan berbuat demikian akan menyebabkan nama didaftarkan secara automatik, dan caj penginapan akan dikenakan.

3.0 Permohonan Kolej Kediaman Semester 2, Sesi 2024/2025

- 3.1 Pelajar yang menginap di kolej pada Semester 1 akan didaftarkan secara automatik di kolej dan bilik yang sama untuk Semester 2.
- 3.2 Pelajar tanpa penempatan pada Semester 1 atau baru mendaftar yang ingin menginap di kolej perlu mengemukakan permohonan melalui emel kepada kolej yang ingin dipohon. Kelulusan bergantung kepada kekosongan di kolej kediaman. Rujuk senarai kolej dalam **Lampiran 1** untuk maklumat lanjut.

4.0 Penyewaan Bilik Sepanjang Cuti

- 4.1 Pelajar yang ingin menyewa bilik semasa cuti semester boleh membuat permohonan melalui *Google Form* yang disediakan oleh pihak kolej kediaman. Untuk sebarang pertanyaan, sila rujuk pengurusan kolej kediaman masing-masing.
- 4.2 Caj sewaan harian akan didebitkan terus ke akaun pelajar. Kadar bayaran adalah seperti dinyatakan dalam **Lampiran 2**.

5.0 Penyimpanan Barang Semasa Cuti

- 5.1 **Tiada Caj** dikenakan untuk penyimpanan barang di stor yang telah ditetapkan. Namun, pelajar digalakkan membawa pulang barang peribadi.
- 5.2 Kemudahan stor **hanya** untuk pelajar yang akan terus menetap di kolej pada Semester 2. Tiada perkhidmatan penyimpanan barang disediakan kepada pelajar yang tidak menginap di kolej kediaman UTM pada semester hadapan termasuk pelajar yang akan tamat pengajian dan menjalani latihan industri.
- 5.3 Segala kerosakan atau kehilangan barangan yang disimpan di stor adalah menjadi tanggungjawab pelajar. Pihak kolej tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kerugian, kehilangan atau kerosakan untuk segala barangan yang disimpan dalam stor penyimpanan barang.
- 5.4 Semua barang mesti dilabel dengan jelas dan disusun di dalam kotak bersaiz maksimum **80cm x 60cm x 50cm**. Barang yang ditinggalkan di luar stor adalah atas risiko pelajar, dan penalti **RM25.00/kotak** akan dikenakan.
- 5.5 Barang yang tidak diambil dalam tempoh satu (1) tahun akan **dilupuskan** oleh pihak kolej.
- 5.6 Kenderaan hendaklah diletakkan di kawasan parkir yang disediakan. Denda **RM25.00 sehari** akan dikenakan jika kenderaan disimpan di bilik atau dalam kawasan larangan.
- 5.7 Lokasi stor, jadual penyimpanan barang dan tarikh pembukaan stor boleh dirujuk di pejabat kolej kediaman masing-masing.

6.0 Pengambilan Kunci Semester 2, Sesi 2024/2025

6.1 Tarikh pengambilan kunci adalah seperti berikut:

Tarikh	Masa	Catatan
15 Mac 2025 (Sabtu)	8.30 pagi – 1.00 petang 2.00 petang – 4.30 petang	Caj harian tambahan dikenakan
16 Mac 2025 (Ahad)	8.30 pagi – 1.00 petang 2.00 petang – 4.30 petang	Caj satu (1) semester dikenakan

6.2 Bagi pelajar yang terlibat dengan pembelajaran secara dalam talian bermula 17 Mac 2025 hingga 4 April 2025, pelajar boleh mengambil kunci bilik pada **5 atau 6 April 2025 (Sabtu atau Ahad)** bermula pada jam **8.30 pagi hingga 4.30 petang**.

6.3 Stor penyimpanan barang akan dibuka bermula **15 Mac 2025**. Pelajar boleh menghubungi pejabat kolej masing-masing untuk mengetahui jadual masa pembukaan stor.

7.0 Penutupan Blok Kolej Kediaman Pelajar Bagi Kerja-Kerja Naik Taraf

7.1 Blok **K15, K16, K17 dan K18, Kolej Tun Razak** dan blok **UA1, Kolej 9&10** akan ditutup untuk kerja naik taraf sepanjang Semester 2 Sesi 2024/2025.

7.2 Pelajar yang menginap di blok tersebut perlu **berpindah** ke Blok K13, K14, K21 dan K22 bermula pada Semester 2 Sesi 2024/2025. Manakala pelajar yang menginap di blok UA1 perlu berpindah ke blok UA2.

7.3 Pelajar yang mempunyai keperluan untuk menyewa semasa cuti dibenarkan menyewa di bilik masing-masing sehingga cuti Semester 1 tamat.

7.4 Sebarang perubahan pada perkara 7.1, 7.2 dan 7.3 akan dimaklumkan oleh pihak kolej kediaman. Pelajar dimohon agar sentiasa cakna dengan sebarang info semasa yang dikeluarkan.

8.0 Hal-Hal Lain

8.1 Pihak Universiti berhak mengeluarkan barang-barang milik pelajar yang tinggal di kolej kediaman tanpa kebenaran. Selain caj sewa dan denda, tindakan tatatertib boleh diambil terhadap pelajar yang gagal untuk mengosongkan bilik mereka apabila diarahkan berbuat demikian oleh wakil Universiti.

8.2 Segala jenis kenderaan yang ditinggalkan hendaklah diletakkan di tempat letak kenderaan yang disediakan. Kenderaan tidak dibenarkan sama sekali disimpan di dalam blok dan bilik pelajar.

8.3 Pelajar yang mendiami asrama tertakluk kepada Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971, Kaedah-kaedah UTM (Tatatertib Pelajar) 1999 dan segala peraturan yang dikeluarkan oleh pihak Universiti.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA KERANA ALLAH”

Saya yang menjalankan amanah,



(YULIE NURAFNIE BINTI ABD MAJID)

Ketua Unit Residen

Seksyen Perkhidmatan

Bahagian Pengurusan Aset

Jabatan Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)

UTM Johor Bahru

- s.k
- Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)
 - Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
 - Pengarah Keselamatan

MAKLUMAT KOLEJ KEDIAMAN UNTUK DIHUBUNGI

Bil.	Kolej	Emel	No. Telefon
1.	Kolej Rahman Putra (KRP)	krp@utm.my	07-5537242
2.	Kolej Tun Fatimah (KTF)	ktf@utm.my	07-5537255
3.	Kolej Tun Razak (KTR)	ktr@utm.my	07-5530542
4.	Kolej Tun Hussein Onn (KTHO)	ktho@utm.my	07-5532151
5.	Kolej Tun Dr Ismail (KTDI)	ktdi@utm.my	07-5333951
6.	Kolej Tuanku Canselor (KTC)	ktc@utm.my	07-5535658
7.	Kolej Perdana (KP)	pejabatkolejperdana @utm.my	07-5536609
8.	Kolej 9&10 (K9&10)	kolej910@utm.my	07-5535015
9.	Kolej Datin Seri Endon (KDSE)	kdse@utm.my	07-5537702
10.	Kolej Dato Onn Jaafar (KDOJ)	kdoj@utm.my	07-5537708
11.	Perumahan Pelajar Berkeluarga UTM (PPBU)	ufhkolejperdana @utm.my	07-5536614

KADAR SEWA KOLEJ KEDIAMAN SEMESTER 2 SESI 2024/2025

Kolej	Jantina	Jenis Bilik	Kadar Sewa/Hari		
			Pelajar Tempatan	Pelajar Antarabangsa	Pelajar IDP UTMSPACE
Kolej Rahman Putra (KRP)	Siswa dan siswi	Seorang	RM6.00	RM15.00	RM12.00
		Berdua	RM4.00	RM12.00	RM8.00
Kolej Tun Fatimah (KTF)	Siswi	Seorang Eksekutif	RM30.00	RM30.00	RM 30.00
		Seorang	RM6.00	RM15.00	RM12.00
		Berdua	RM4.00	RM12.00	RM8.00
Kolej Tun Razak (KTR)	Siswa dan siswi	Seorang	RM6.00	RM15.00	RM12.00
		Berdua	RM4.00	RM12.00	RM8.00
Kolej Tun Hussein Onn (KTHO)	Siswi	Seorang dengan bilik air	RM8.00	RM20.00	RM20.00
	Siswa dan siswi	Seorang	RM6.00	RM15.00	RM12.00
		Berdua	RM4.00	RM12.00	RM8.00
Kolej Tun Dr Ismail (KTDI)	Siswa dan siswi	Seorang dengan bilik air	RM8.00	RM20.00	RM20.00
	Siswa dan siswi	Seorang	RM6.00	RM15.00	RM12.00
	Siswi	Berdua (Blok MA)	RM5.00	RM12.00	RM8.00
	Siswa dan siswi	Berdua	RM4.00		
	Siswi	Berdua dengan bilik air	RM8.00	RM20.00	RM20.00
Kolej Tuanku Canselor (KTC)	Siswa dan siswi	Seorang	RM6.00	RM15.00	RM12.00
		Berdua	RM4.00	RM12.00	RM8.00
Kolej Perdana (KP)	Siswi	Seorang	RM6.00	RM12.00	RM12.00
		Berdua	RM4.00	RM10.00	RM8.00
Kolej 9 & 10 (K9&10)	Siswa dan siswi	Seorang	RM6.00	RM12.00	RM12.00
		Berdua	RM4.00	RM10.00	RM8.00
Kolej Datin Seri Endon (KDSE)	Siswa dan siswi	Seorang	RM6.00	RM12.00	RM12.00
		Berdua	RM4.00	RM10.00	RM8.00
Kolej Dato Onn Jaafar (KDOJ)	Siswa dan siswi	Seorang	RM6.00	RM12.00	RM12.00
		Berdua	RM4.00	RM10.00	RM8.00